

Rezeki kemakmuran negara

UB 5.3.2014 84

BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

SYUKUR kepada Allah kerana masih berada di sebuah negara yang aman damai dan mempunyai pentadbiran yang berpihak kepada kemanusiaan sejagat. Bukan mudah untuk mempertahankan sebuah parti politik yang mentadbir sesebuah negara semenjak 56 tahun yang lalu. Namun dengan adanya dasar-dasar relevan dan sentiasa membuat penyelidikan terhadap kehendak dan kemahuan semasa rakyatnya maka pentadbiran yang berkualiti akan dapat dikekalkan.

Umumnya masyarakat segenap lapisan mengetahui tentang wang

ehsan daripada kerajaan yang disalurkan melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM). Wang itu merupakan bantuan tunai, secara one-off, sebanyak RM650 kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah yang diagihkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Maka dengan agihan melalui LHDN sudah tentu wang cukai yang dibayar oleh individu persorangan, syarikat dan sebagainya digunakan untuk meringankan beban rakyat. Seharusnya rakyat berterima kasih kepada pembayar-pembayar cukai dan juga kerajaan. Oleh sebab itu, bantuan itu adalah tanda keprihatinan kerajaan dalam usaha membantu meringankan kenaikan

kos sara hidup rakyat.

Kategori yang layak bukan setakat melibatkan ketua keluarga yang berpendapatan bawah RM3000 tetapi juga golongan membabitkan golongan bujang berumur 21 tahun ke atas yang berpendapatan tidak lebih RM2,000 sebulan menerima bantuan RM250. BR1M 2.0 membabitkan peruntukan RM3 bilion dan memberi manfaat kepada 4.3 juta isi rumah serta 2.7 juta untuk individu bujang.

Ramai penerima merasa sangat berterima kasih dengan inisiatif kerajaan dalam mengurangkan beban perbelanjaan sekarang yang semakin meningkat. Tapi perlu diingat pemberian berkenaan merupakan sekali sahaja setahun dan bukan diberikan setiap

bulan. Oleh sebab itu ramai penerima berasakan ia tidak mencukupi. Individu sedemikian perlu lebih rasional dalam kehidupannya supaya jangan terlalu mengharapkan bantuan semata-mata sebaliknya berusaha gigih sendiri dalam mencari sumber pendapatan yang halal. Bagaimanapun ada juga segelintir penerima bantuan itu tidak menggunakannya secara efisien sebaliknya berbelanja kepada perkara yang tidak berfaedah seperti saranan pihak kerajaan dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat. Kebanyakannya duit yang diterima dibelanjakan kepada perkara yang tidak munasabah seperti menukar sport rim kereta, spring kereta, menukar telefon bimbit, berjudi dan sebagainya.

Mungkin juga bagi golongan penagih turut menggunakannya untuk membeli barangan terlarang itu. Alangkah ruginya pembayar cukai dengan niat untuk melakukan kebaikan tetapi lain pula digunakan oleh rakyat yang nyata merugikan.

Oleh sebab itu, dengan jumlah yang diberikan itu boleh dijadikan modal untuk melakukan sesuatu yang digunakan berpanjangan bak kata pepatah kalau orang diberikan ikan sampai bila pun mereka tidak akan pandai menangkap ikan tetapi kalau diberikan pancing mereka tetap ada alat untuk meneruskan kelangsungan hidup walaupun berada di mana sekalipun. Justeru itu usah membazir dan gunakan bantuan kewangan itu kepada perkara yang bermanfaat

supaya hasrat kerajaan dalam membantu mengurangkan kos sara hidup tercapai walaupun secara tidak langsung memberikan peluang kepada semua peniaga meningkatkan keuntungannya. Sekiranya penerima memiliki mentaliti yang rendah sudah tentu mereka tidak berfikir panjang dan secara tidak langsung sudah tentu matlamat utama kerajaan tidak akan tercapai kerana golongan sebegini akan meletakkan kemahuan melebihi kemampuan dalam hidup mereka. Fikirkan poket anda urusan anda!. Sampai bila anda perlu menadah tangan? Tangan di atas adalah lebih baik daripada tangan di bawah.

**Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS*